

22 JUN 2003

Kayveas-Umno

PERHIMPUNAN AGUNG SERLAHKAN KEDUDUKAN UMNO SEBAGAI TONGGAK BN

SEREMBAN, 22 Jun (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M.Kayveas berkata Perhimpunan Agung Umno yang berakhir semalam telah memperjelaskan lagi kedudukan parti itu sebagai tonggak pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Katanya Umno tidak bersidang semata-mata untuk memperteguhkan lagi hala tuju perjuangan bangsa Melayu dan bumiputera, malah kepentingan masa depan seluruh rakyat Malaysia.

"Ini adalah bersesuaian dengan tanggungjawab Umno sebagai peneraju utama masyarakat dan negara Malaysia serta sesuai dengan slogan Umno untuk terus berjuang bagi seluruh rakyat Malaysia," katanya pada perasmian penutup kursus jentera pilihan raya anjuran Biro Penerangan PPP Negeri Sembilan oleh Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Saman, yang juga pengerusi BN negeri Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad di sini, hari ini.

Turut hadir ialah pengerusi PPP Negeri Sembilan T.Raju.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata sokongan padu yang ditunjukkan oleh barisan kepimpinan Umno kepada pucuk pimpinan parti itu pada perhimpunan tersebut telah meredakan kegelisahan seluruh rakyat Malaysia tentang proses peralihan pucuk kepimpinan di negara ini.

"Saya percaya, rakyat bertambah yakin akan wujud kesinambungan dalam pelaksanaan dasar pemerintahan sedia ada," kata Kayveas.

Dalam hal ini, katanya: "Kita patut berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana telah meletakkan landasan yang kukuh bagi semua sektor pengurusan dan pembangunan negara.

"Jesteru, saya berpendapat yang penting pada ketika ini, bukan lagi soal kebimbangan kita mengenai era selepas Dr Mahathir, tetapi tumpuan kita sekarang harus kepada hala tuju perjuangan BN untuk menang dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Sementara itu, Mohamed Isa pula berkata semua parti komponen BN mesti bekerja keras bagi memastikan kemenangan besar BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Pilihan raya sesuatu yang penting, oleh itu kita harus sentiasa bersedia dengan jentera pilihan raya yang mantap. Untuk pilihan raya kita kena kerja sepenuh hati atau 100 peratus bagi memastikan kemenangan BN," katanya.

-- BERNAMA

RP SP LAT